

# 4th MALAYSIA NATIONAL EKIDEN RUN RELAY MARATHON 2009

Kejohanan yang berlangsung pada 4 Oktober 2010 bertempat di Putrajaya telah menyaksikan pasukan staf dan pelajar UniMAP mampu beraksi di arena pentas antarabangsa. Penganjuran oleh Malaysia National Marathon telah melibatkan penyertaan atlet dari dalam dan juga luar negara. Pada kejohanan marathon ini UniMAP telah menghantar peserta melalui gabungan antara pelajar dan kakitangan yang diketuai oleh En Abdul Rasid Mohamoud.

Dalam edisi kali ini, pasukan UniMAP telah menghasilkan beberapa kejayaan iaitu memenangi pingat Emas bagi kategori Men Open yang diwakili staf UniMAP manakala pingat Gangsa bagi kategori pelajar. Pasukan pelajar wanita juga tidak mengalah dengan menduduki tempat keempat bagi kategori pelajar wanita. Tahniah kepada pasukan olahraga UniMAP.